

Headline	Pengusaha keropok teruja guna mesin		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 May 2018	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	18	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	575 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,469
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,407



# Pengusaha keropok teruja guna mesin

**K**EROPOK lekor merupakan makanan tradisional di Pantai Timur, Semenanjung Malaysia khususnya negeri Terengganu. Semua pengunjung yang berkunjung ke Terengganu pasti akan membawa pulang keropok lekor sebagai oleh-oleh. Antara beberapa jenis keropok lekor yang menarik minat pengunjung adalah keropok lekor rebus, goreng dan keropok segera.

Keropok lekor diperbuat daripada isi ikan, tepung, dan garam. Ternyata khasiat yang terdapat pada isi ikan memberikan rasa yang sedap terhadap keropok lekor tersebut.

Bagi pengusaha keropok lekor, untuk menyediakan dan menguli bahan mentah keropok lekor adalah senang kerana ia tidak menggunakan bahan yang banyak. Namun, hasilnya yang likat dan padat dengan isi ikan menyebabkan proses untuk memotong kepingan keropok lekor menjadi susah.



MESIN keropok lekor.



www.zulldesign.com.my

Zull Design Autotronic (ZDA) tampil kali ini dengan mesin pemotong keropok lekor bagi memudahkan proses pemotongan keropok tersebut.

Keseluruhan mesin keropok lekor keluaran ZDA diperbuat daripada keluli biasa supaya strukturnya menjadi kuat dan kukuh. Mesin ini juga tahan lasak dan boleh digunakan dalam jangka masa

yang lama.

Selain kerangka, bahan yang digunakan untuk pemotong keropok lekor juga penting untuk dijaga.

Oleh itu, ZDA mengambil keputusan untuk membuat pemotong keropok menggunakan keluli tahan karat. Hal ini kerana, bahan berkenaan merupakan besi yang tahan lama dan tidak akan berkarat serta tidak merosakkan hasil keropok lekor tersebut dari segi bau, warna dan rasa.

Sumber kuasa yang digunakan pada

mesin ini ialah sebanyak dua kuasa kuda. Mesin ini juga sesuai digunakan di rumah, di samping saiz mesin yang tidak terlalu besar.

Pengusaha keropok segera di Batang Kali, Selangor **Marzuki Kamaruddin** berkata, menempah mesin pemotong keropok lekor ini dari ZDA.

"Pada masa ini, saya cuma mampu memotong sebanyak 150 batang lekor sahaja setiap hari. Saya berharap dan yakin dengan penggunaan mesin ini, saya dapat memotong lekor sehingga 400 batang sehari," ujarnya.

Marzuki yang berniaga di pasar tani Batang Kali berkata, selain berniaga di tapak jualan tersebut, dia juga ada menyediakan khidmat pembayaran sewaktu penghantaran.

Mereka yang ingin menempah keropok segera boleh menghubungi pada talian 013-9927818.



## SPEKIFIKASI MESIN

- Bahan: Keluli biasa (kerangka)
- Keluli tahan karat (pemotong)
- Kuasa: 2 kuasa kuda
- Saiz bekas: 9.5" x 20"
- Saiz mesin: 95 sentimeter (cm) x 128 cm x 133 cm

JIKA ada sebarang pertanyaan dan tempahan atau maklumat lebih lanjut. Hubungi Zull Design Autotronic (ZDA) Hari: Isnin - Jumaat. Masa: Pukul 8.30 pagi hingga 5 petang (waktu pejabat sahaja) Talian: 03-6092 1928, 012-733 2066, faksimile 03-6091 4000. E-mail: [mail@zulldesign.com.my](mailto:mail@zulldesign.com.my) atau layari laman web ZDA iaitu [www.zulldesign.com.my](http://www.zulldesign.com.my) laman Facebook kami <https://www.facebook.com/zulldesign.autotronic>, YouTube channel kami [zulldesign11](https://www.youtube.com/channel/UCzulldesign11) dan Instagram: [zulldesign11](https://www.instagram.com/zulldesign11)